

# Polisi Kecurian Dan Rompakan

## *Burglary Policy*

---

**Bahawasanya** Pemegang Insurans yang dinamakan dalam Jadual kepada Polisi ini telah membuat satu Cadangan dan Perakuan kepada **Zurich General Insurance Malaysia Berhad** (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") yang menjadi asas bagi Kontrak ini dan dianggap sebagai terkandung di dalamnya dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar Premium yang dinyatakan dalam Jadual tersebut sebagai pertimbangan untuk Perlindungan Kerugian yang terkandung seterusnya.

**Whereas** the Insured named in the Schedule hereto has made to the **Zurich General Insurance Malaysia Berhad** (hereinafter called the "Company") a Proposal and Declaration which shall be the basis of this Contract and which is deemed to be incorporated herein and has paid or agreed to pay the Premium stated in the aforesaid Schedule as consideration for the Indemnity hereinafter contained.

**Maka Polisi Ini Memperakui** bahawa jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual ini atau dalam sebarang tempoh selanjutnya untuk mana syarikat menerima pembayaran bagi pembaharuan atau lanjutan Polisi ini :-

**Now This Policy Witnesseth** that if at any time during the Period of Insurance stated in the Schedule hereto or during any further Period for which the company may accept payment for the renewal or extension of this Policy :-

- A. Harta Benda Yang Diinsuranskan atau mana-mana bahagian daripadanya yang diuraikan dan dimasukkan dalam Jadual kepada Polisi ini, semasa terletak dalam Premis yang dinyatakan dalam Jadual tersebut, hilang :-  
*The Property Insured or any part thereof described and included in the Schedule hereto whilst contained in the Premises described in the said Schedule shall be lost :-*
- (1) Kerana Kecurian selepas berlaku pecah masuk atau keluar Premis tersebut dengan paksa dan kekerasan oleh mana-mana orang atau orang-orang (selain daripada kakitangan) atau  
*By Theft consequent upon actual forcible and violent breaking into or out of the said Premises by any person or persons (other than employees), or*
  - (2) Akibat dari rompakan bersenjata atau rompakan ganas.  
*As a result of armed robbery or robbery with violence.*
- B. Berlaku sebarang kerosakan kepada Harta Yang Diinsuranskan tersebut atau kepada Premis, yang perlu ditanggung oleh Pemegang Insurans, disebabkan oleh sebarang Kecurian seperti yang tersebut di atas atau sebarang percubaan melakukannya.  
*There shall arise any damage to the said Property Insured or to the Premises, falling to be borne by the Insured, due to any such Theft as aforesaid or any attempt thereat.*

**Syarikat akan membayar atau mengganti kerugian pemegang insurans bagi:-**  
***The Company will pay or make good to the insured:-***

- A. Kehilangan sedemikian setakat nilai pasaran pada waktu kehilangan (tidak termasuk sebarang bentuk keuntungan) dan/atau  
*Such loss to the extent of the market value at time of the loss (not including profit of any kind) and/or*
- B. Kos bersih membaiki kerosakan sedemikian  
*The net cost of repairing such damage*

tetapi tidak melebihi, bagi mana-mana satu barang yang disenaraikan dalam Jadual, Jumlah Yang Diinsuranskan untuknya, atau bagi kerosakan kepada Premis lima peratus (5%) daripada Jumlah Yang Diinsuranskan, atau secara keseluruhan dalam mana-mana satu-satu Tempoh Insurans, Jumlah Yang Diinsuranskan.  
*but not exceeding in respect of any one item specified in the Schedule the Sum Insured thereon nor in respect of damage to the Premises five per cent (5%) of the Total Sum Insured nor in the whole during any one Period of Insurance such Total Sum Insured.*

**Dengan Syarat Bahawa dalam** semua hal Premis yang dinyatakan dalam Jadual tidak termasuk sebarang laman, taman, bangunan luar atau tambahan lain melainkan dimasukkan secara khusus dalam Jadual Polisi ini.

**Provided Always That** the Premises mentioned in the Schedule shall not include any yard, garden, outbuilding, or other appurtenance unless specifically included in the Schedule hereto.

## PENGECUALIAN EXCEPTIONS

Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap :-  
*The Company shall not be liable in respect of :-*

1. Kekurangan disebabkan oleh kehilangan tidak pasti dan/atau kiraan inventori di mana terdapat kemungkinan berlaku kecurian seperti tersebut di atas.  
*Shortages due to unaccountable and/or inventory loss except where a possibility of theft as aforesaid exists.*
2. Kehilangan atau kerosakan akibat sebarang kecurian seperti tersebut di atas atau sebarang percubaan melakukannya oleh atau secara bersubahat dengan mana-mana anggota keluarga Pemegang Insurans, kakitangan perniagaan atau pembantu rumah, atau sesiapa yang berada di Premis secara sah.  
*Loss or damage due to any such theft as aforesaid or to any attempt thereat by or in collusion with any of the Insured's family, business staff or domestic servants, or any person lawfully on the Premises.*
3. Kerosakan kepada kaca atau sebarang hiasan atau tulisan padanya.  
*Damage to glass or any decoration or lettering thereon.*
4. Kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh kebakaran atau letupan.  
*Loss or damage occasioned by fire or explosion.*
5. Kehilangan atau kerosakan kepada sebarang pingat, duit syiling, barang ganjil, ukiran, manuskrip, buku luar biasa, pelan, corak, model, acuan, surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji, wang, sekuriti untuk wang, setem, dokumen hak milik atau buku perniagaan melainkan dinyatakan secara khusus dalam Jadual.  
*Loss or damage to medals, coins, curiosities, sculptures, manuscripts, rare books, plans, patterns, models, moulds, designs, deeds, bonds, bills of exchange, promissory notes, money, securities for money, stamps, documents of title or business books unless specifically included in the Schedule.*
6. Kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berlaku kerana, atau akibat daripada susut nilai, pengambilalihan atau jualan paksa (sama ada di bawah undang-undang atau tidak) atau rampasan oleh mana-mana Pihak Berkuasa.  
*Loss or damage directly or indirectly occasioned by happening through or in consequence of depreciation, requisition or compulsory sale (whether under statute or otherwise) or seizure by any Authority.*
7. Kehilangan atau kerosakan yang timbul semasa Premis tidak dihuni bagi tempoh melebihi 30 hari berturut-turut atau dihuni dalam cara selain daripada yang dinyatakan dalam Jadual, melainkan kebenaran bertulis daripada Syarikat telah diperolehi terlebih dahulu dan premium tambahan yang diperlukan oleh Syarikat telah dibayar.  
*Loss or damage arising whilst the Premises are unoccupied for a period exceeding 30 consecutive days or are occupied otherwise than as stated in the Schedule unless the written consent of the Company shall have previously been obtained and an additional premium required by the Company has been paid.*
8. Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berlaku kerana, atau akibat daripada peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, rusuhan, mogok, kekacauan awam, kuasa tentera atau rampasan kuasa, atau rampasan atau pembinasaan atas, perintah mana-mana Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam dan sekiranya sebarang tuntutan dibuat di bawah ini, Pemegang Insurans dikehendaki membuktikan bahawa kemalangan, kerugian, kerosakan tersebut telah timbul secara asing daripada dan tiada kaitan langsung dengan atau disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh atau boleh dikesan kepada sebarang kejadian di atas atau sebarang akibat daripadanya, dan jika tiada bukti sedemikian, Syarikat tidak bertanggungjawab membuat sebarang pembayaran bagi tuntutan tersebut.  
*Loss or damage directly or indirectly occasioned by, happening through or in consequence of war, invasion, act of foreign enemy, hostilities (whether war be declared or not), civil war, rebellion, revolution, insurrection, riot, strikes, civil commotion, military or usurped power, or confiscation or destruction by order of any Government or Public Authority or by any direct or indirect consequences of any of the said occurrences and in the event of any claim hereunder the Insured shall prove that the accident loss damage arose independently of and was in no way connected with or occasioned by or contributed to by or traceable to any of the aforesaid occurrences or any consequence thereof and in default of such proof the Company shall not be liable to make any payment in respect of such a claim.*
9. Kehilangan atau kerosakan kepada sebarang harta benda atau sebarang bentuk kerugian atau perbelanjaan akibat daripada atau timbul daripadanya atau sebarang kerugian berbangkit atau sebarang bentuk tanggungan:-  
*Loss or damage to any property whatsoever or any loss or expense whatsoever resulting from or arising therefrom or any consequential loss or any liability of whatsoever nature:-*
  - (a) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan Pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.  
*Directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purpose of this Exception combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission.*

- (b) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau antara lain disebabkan oleh atau yang timbul daripada bahan-bahan senjata nuklear.  
*Directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from nuclear weapons material.*

## **PENGENDORSAN KEHILANGAN PERTAMA FIRST LOSS ENDORSEMENT**

Walau apa pun yang terkandung dalam Polisi ini yang menyatakan sebaliknya, dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa:-  
*Notwithstanding anything contained herein to the contrary it is hereby declared and agreed that :-*

- a) tanggungan maksimum Syarikat terhadap mana-mana satu kehilangan atau siri kehilangan yang berlaku berkaitan dengan atau timbul daripada satu kejadian tidak boleh melebihi Jumlah Yang Diinsuranskan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Polisi ini.  
*the maximum liability of the Company in respect of any one loss or series of losses occurring in connection with or arising out of one event shall not exceed the Sum Insured as set forth in the Schedule of the Policy.*
- b) jika jumlah nilai Harta Benda pada bila-bila masa melebihi jumlah yang diisytiharkan, Pemegang Insurans hendaklah memberitahu Syarikat dan jika diperlukan, membayar premium tambahan.  
*if the total value of the property at any time exceeds the amount declared, the Insured shall notify the Company and if so required, pay an additional premium.*
- c) jika pada waktu berlaku kehilangan jumlah nilai semua Harta Benda adalah lebih besar daripada jumlah yang diisytiharkan maka:-  
*If at the time of loss the total value of all the Property be greater than the amount declared then:-*
- 1) sekiranya kerugiannya melebihi Jumlah Yang Diinsuranskan, Syarikat hanya dikehendaki membayar bahagian Jumlah Yang Diinsuranskan yang bersekadar dengan nisbah jumlah nilai Harta Benda yang diisytiharkan berbanding jumlah nilai Harta Benda yang ditanggung risikonya.  
*in the event of the loss exceeding the Sum Insured the Company shall be liable only for that proportion of the Sum Insured which the total value of Property declared bears to the total value of the Property at risk.*
  - 2) sekiranya kerugian tidak melebihi Jumlah Yang Diinsuranskan, Syarikat hanya dikehendaki membayar bahagian kerugian yang bersekadar dengan nisbah jumlah nilai Harta Benda yang diisytiharkan berbanding jumlah nilai Harta Benda yang ditanggung risikonya.  
*in the event of the loss not exceeding the Sum Insured the Company shall be liable only for that proportion of the loss which the total value of Property declared bears to the total value of the Property at risk.*

Tertakluk selainnya kepada peraturan-peraturan, pengecualian dan syarat-syarat Polisi ini.  
*Subject otherwise to the terms exceptions and conditions of this Policy.*

## **SYARAT-SYARAT CONDITIONS**

Polisi ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan.

*This Policy and the Schedule shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy or the Schedule shall bear such specific meaning wherever it may appear.*

1. Adalah menjadi syarat sebelum Syarikat menerima sebarang tanggungan untuk sebarang pembayaran di bawah Polisi ini, Pemegang Insurans dengan sewajarnya mematuhi Peraturan-Peraturan, Syarat-Syarat dan Pengendorsan kepada Polisi ini, setakat yang melibatkan apa yang harus dilakukan atau dipatuhi olehnya.  
*The due observance and fulfillment of the Terms, Conditions and Endorsements of this Policy, in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Insured shall be conditions precedent to any liability of the Company to make any payment under this Policy.*
2. Semua notis yang perlu diberikan oleh Pemegang Insurans kepada Syarikat mesti dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Syarikat dan notis atau pengetahuan tentang sebarang perkara berkaitan dengan Polisi ini atau sebarang tuntutan di bawahnya tidak akan dianggap sebagai notis kepada atau dalam pengetahuan Syarikat melainkan ia telah diberikan dan sebarang perubahan kepada peraturan-peraturan Polisi ini, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak akan dianggap sah melainkan ditandatangani atau diparap oleh seorang wakil yang diberi kuasa oleh Syarikat.  
*All notices required to be given by the Insured to the Company must be in writing addressed to the Company and notice or knowledge of anything relating to this Policy or any claim hereunder shall not be deemed to be notice to or within the knowledge of the Company unless so given, and no alteration in the terms of this Policy, nor any endorsement thereon, will be held valid unless the name is signed or initialled by an authorized representative of the Company.*

3. Syarikat berhak pada bila-bila masa, dengan memberi notis 7 hari kepada Pemegang Insurans menerusi surat berdaftar ke alamat terakhirnya yang diketahui oleh Syarikat, membatalkan Polisi ini dengan syarat sekiranya ini berlaku Syarikat hendaklah, apabila diminta, memulangkan kepada Pemegang Insurans bahagian perkadaran premium yang bersamaan dengan Tempoh Insurans yang belum lupus. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pemegang Insurans dengan memberikan notis 7 hari kepada Syarikat dan sekiranya ini berlaku Pemegang Insurans adalah berhak mendapat bayaran balik premium setelah ditolak premium dikira pada Kadar Jangka Pendek Syarikat bagi tempoh Polisi ini berkuatkuasa dalam Tempoh Insurans semasa.
- The Company may at any time by giving 7 days notice to the Insured by registered letter at the Insured's address as last known to the Company be at liberty to cancel this Policy provided that the Company shall in that event on demand return to the Insured a proportionate part of the Premium corresponding to the unexpired Period of Insurance. This Policy may be cancelled at any time by the Insured on 7 days notice to the Company and in such event the Insured shall be entitled to a return premium less premium at the Company's Short Period Rates for the time the Policy has been in force during the current Period of Insurance.*
4. Sebaik sahaja berlaku sebarang kejadian yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Pemegang Insurans hendaklah:
- Immediately upon the happening of any event giving rise or likely to give rise to a claim under this Policy, the Insured shall:*
- Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh atau timbul daripada radiasi Melaporkan kepada Polis dan memberikan segala bantuan yang sewajarnya dalam usaha mencari dan menghukum mana-mana orang atau orang-orang yang bersalah dan mengesan dan mendapatkan semula harta benda.
- Give notice to the Police and render all reasonable assistance in causing the discovery and punishment of any guilty person or persons and in tracing and recovering the property.*
- Memberikan notis secara bertulis kepada Syarikat dan dalam tempoh 14 hari selepas kejadian tersebut dan menyerahkan kepada Syarikat tuntutan secara bertulis dan menyediakan segala butir-butir terperinci, bukti dan keterangan yang munasabah diperlukan oleh Syarikat untuk menyokong tuntutan tersebut.
- Give notice thereof to the Company in writing and within 14 days thereafter deliver to the Company a claim in writing and supply all such detailed particulars, proofs and evidence in support of such a claim as may be reasonably required by the Company.*
5. (Meliputi barang-barang yang diinsuranskan berasaskan Nilai Penuh)
- Jika pada masa berlaku sebarang kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini nilai secara kolektif Harta Benda Yang Diinsuranskan adalah lebih besar daripada Jumlah Yang Diinsuranskan, maka Pemegang Insurans hendaklah dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaannya dan hendaklah menanggung bahagian bersekadar kerugian yang sewajarnya. Setiap barang, jika lebih daripada satu, yang disenaraikan dalam Polisi ini hendaklah tertakluk kepada syarat ini secara berasingan.
- (Applicable to items insured on Full Value basis)*
- If the Property Insured shall at the time of any event giving rise to a claim under this Policy be collectively of greater value than the Sum Insured thereon then the Insured shall be considered as being his own insurer for the difference and shall bear a rateable proportion of the loss accordingly. Every item, if more than one, of the Policy shall be separately subject to this Company.*
6. Syarikat boleh mengembalikan, memperbaiki atau menggantikan harta benda atau premis yang hilang atau rosak, yang mana berkenaan, sebagai pilihan lain daripada membayar jumlah kerugian atau kerosakan dan boleh menyertai manamana syarikat insurans lain dalam berbuat demikian sekiranya harta benda tersebut juga diinsuranskan oleh pihak lain. Setelah bayaran dibuat bagi sebarang tuntutan kehilangan dibawah Polisi ini harta benda berkenaan yang bayarannya telah dijelaskan akan menjadi milik Syarikat.
- The Company may reinstate, repair or replace the property or premises lost or damaged as the case may be instead of paying the amount of the loss or damage, and may join with any other insurers in so doing in cases where the property is also insured elsewhere. Upon payment of any claim for loss under this Policy the property in respect of which the payment is made shall belong to the Company.*
7. Jika pada waktu berlakunya sebarang kehilangan atau kerosakan yang dilindungi oleh Polisi ini, terdapat sebarang insurans lain dalam apa-apa bentuk yang melindungi Harta Benda Yang Diinsuranskan atau mana-mana bahagian daripadanya, sama ada diambil oleh Pemegang Insurans atau tidak, maka Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian bersekadarnya bagi sebarang kerugian atau kerosakan. Setiap barang yang dihuraikan dalam Polisi ini tertakluk kepada syarat ini secara berasingan.
- If at the time of the happening of any loss or damage covered by this Policy there shall be subsisting any other insurance of any nature whatsoever covering the property Insured or any part thereof, whether effected by the insured or not, then the Company shall not be liable to pay or contribute more than its rateable proportion of any loss or damage. Each item of this Policy shall be separately subject to this condition.*

8. Tidak ada apa-apa yang terkandung dalam Polisi ini yang memberikan hak kepada mana-mana orang lain selain Pemegang Insurans untuk membuat tuntutan terhadap Syarikat, dan Syarikat tidak akan terikat oleh sebarang penyerahan kepentingan Pemegang Insurans selain akibat kematian, melainkan dan sehingga Syarikat mengisytiharkan, menerusi pengendorsan kepada Polisi ini, bahawa perlindungan insurans diteruskan.  
*Nothing contained herein shall give any rights against the Company to any person other than the Insured, and the Company will not be bound by any passing of the interest of the Insured otherwise than by death, unless and until the Company shall by endorsement hereon declare the insurance to be continued.*
9. Jika Cadangan atau Perakuan Pemegang Insurans tidak benar dalam sebarang hal atau jika sebarang fakta penting yang boleh menjejaskan risiko disalahnyatakan di dalam Polisi ini atau gagal dinyatakan, atau jika insurans ini atau sebarang pembaharuannya diperolehi dengan memberikan sebarang pernyataan silap, salah nyata atau gagal dinyatakan, atau jika sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah, atau jika sebarang perakuan atau pernyataan palsu dibuat sebagai menyokongnya, maka dalam sebarang kes tersebut, Polisi ini akan dianggap terbatal.  
*If the Proposal or Declaration of the Insured is untrue in any aspect, or if any material fact affecting the risk be incorrectly stated herein or omitted therefrom, or if this insurance, or any renewal thereof shall have been obtained through any misstatement, misrepresentation or suppression, or if any claim made shall be fraudulent or exaggerated, or if any false declaration or statement shall be made in support thereof, then, in any of these cases, this Policy shall be void.*
10. Segala percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau diputuskan oleh dua Penimbangtara yang masing-masing dilantik secara bertulis oleh kedua pihak jika mereka tidak bersetuju dengan Penimbangtara tunggal, dalam tempoh satu bulan kalendar selepas diperlukan berbuat demikian secara bertulis oleh salah satu pihak, atau seandainya kedua-dua Penimbangtara tidak boleh mencapai persetujuan maka ia hendaklah diputuskan oleh seorang Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh kedua Penimbangtara sebelum mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan duduk bersama kedua Penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan satu Keputusan mesti dibuat sebagai syarat sebelum mana-mana pihak berhak mengambil tindakan terhadap Syarikat. Jika Syarikat menolak tanggungan kepada Pemegang Insurans terhadap sebarang tuntutan di bawah Polisi ini dan tuntutan tersebut tidak dirujuk untuk penimbangtaraan di bawah peruntukan yang terkandung di sini dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penolakan tanggungan tersebut, maka tuntutan tersebut akan dianggap sebagai diabaikan dan tidak boleh diteruskan selepas itu di bawah Polisi ini.  
*All differences arising out of this Policy shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after having been required in writing so to do by either of the parties or in case the Arbitrators do not agree of an Umpire appointed in writing by Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings and the making of an Award shall be condition precedent to any right of action against the Company. If the Company shall disclaim liability to the Insured for any claim hereunder and such claim shall not within twelve calendar months from the date of such disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.*

#### **PERUNTUKAN CUKAI TAX PROVISION**

Semua premium dan yuran di bawah Polisi ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invois dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada pemilik polisi yang Diinsuranskan sebagai tambahan kepada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

*All premium and fees payable under this Policy may be subject to Tax. If Tax is imposed, it will be stated in the invoice and Zurich General Insurance Malaysia Berhad reserves the right to claim or collect the Tax from the Insured in addition to the premium and/or fees payable under this Policy.*

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggu- naan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

*Tax shall mean any present or future, direct or indirect, tax, levy or duty, including consumption tax or any tax of similar nature, which is imposed on goods and services by government or tax authority.*

**PENTING  
IMPORTANT**

Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Pihak Diinsuranskan, nasihat hendaklah pada sekali diberikan kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk perhatian.

*The Insured shall read this Policy carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with the wishes of the Insured, advice should at once be given to the Company and the Policy returned for attention.*

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

*The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Insurance Malaysia Berhad or PIDM (visit [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).*

Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam pentafsiran mana-mana terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

*In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version.*

**TATACARA UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS  
PROCEDURES FOR MAKING INSURANCE COMPLAINTS**

Sila periksa polisi insurans untuk memastikan bahawa ia memenuhi keperluan anda.

*Please examine the insurance policy to ensure that it meets your requirement.*

Bagi mengelakkan salah tafsiran, adalah penting bahawa Polisi, Jadual dan sebarang Endorsemen yang dilampirkan di sini dibaca keseluruhannya.

*To avoid misunderstanding, it is very important that the Policy, the Schedule and any Endorsements attached therein be read thoroughly.*

Jika anda mempunyai sebarang aduan atau ketidakpuasan hati berkenaan polisi anda, sila hubungi ejen anda, sekiranya ada, atau hubungi pejabat di mana polisi dikeluarkan.

*If you have any complaints or grievances pertaining to your policy, please contact your agent, if any or get in touch with our issuing office. We assure you that your complaints will be attended to promptly.*

Sebagai penginsurans yang bertanggungjawab, kami ingin memaklumkan bahawa anda juga boleh menyuarakan ketidakpuasan hati anda kepada Biro Pengantaraan Kewangan atau kepada Pusat Khidmat Pelanggan, Bank Negara Malaysia yang disenaraikan di bawah.

*As a responsible insurer, we wish to bring to your attention that you could also address your dissatisfaction to the Ombudsman for Financial Services (OFS) or to Bank Negara Malaysia's Customer Service Bureau (CSB) as listed below.*

**TATACARA ADUAN KEPADA OMBUDSMAN FOR FINANCIAL SERVICES  
PROCEDURES FOR COMPLAINT TO OFS**

Jika anda tidak berpuashati dengan keputusan pihak Syarikat, anda boleh menulis kepada pihak Pengantara dengan menyertakan maklumat mengenai percanggahan dan butir-butir polisi anda.

*If you are not satisfied with the decision of the Company, you may write to the Mediator with details of the dispute and particulars of your policy.*

Jika pihak Pengantara membuat keputusan menyangkal tindakan Syarikat, anda dikehendaki memaklumkan pihak Pengantara mengenai keputusan anda untuk menerima atau menolak keputusan pihak Pengantara dalam masa 14 ( empat belas ) hari.

*If the Mediator makes an award against the Company, you are required to inform the Mediator of your decision to accept or deny the award within 14 (fourteen) days.*

Jika anda tidak bersetuju dengan keputusan berkenaan, anda boleh menolak keputusan Pengantara. Anda bebas untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak Syarikat atau merujukkannya kepada pihak Penimbangtaraan.

*If you do not accept the award, you may reject the decision of the Mediator. You are free to institute a court proceeding against the Company or refer it to Arbitration.*

Anda boleh membuat aduan dengan pihak Syarikat di:  
*You may communicate with the Company at:*

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622 [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my) E-mel: [CallCentre@zurich.com.my](mailto:CallCentre@zurich.com.my)

Anda boleh menghubungi OFS di:  
*You may communicate with OFS at:*

**Ombudsman for Financial Services**

(Formerly known as Financial Mediation Bureau)  
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2272 2811 Fax: Tel: 03-2272 2811 Email: [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my) Website: [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

**Tatacara aduan kepada Pusat Khidmat Pelanggan**  
***Procedures for complaint to CSB***

Sebagai pilihan, anda boleh mengemukakan ketidakpuasan hati anda mengenai tindakan Syarikat dengan menulis kepada Pusat Khidmat Pelanggan dengan menyertakan aduan dan butir-butir polisi anda kepada:

*Alternatively you may put forward your dissatisfaction over the conduct of the Company by writing to CSB giving details of your complaint and particulars of your policy to:*

**Contact Centre (BNMTELELINK)**

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia,  
P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (Overseas: +603-2174 1717) Faks: 03-2174 1515  
E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

Registration No. 201701035345 (1249516-V)  
Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622  
[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

